

SEKTOR PETROLEUM PROSPEK TERHADAP EKONOMI NEGARA

Pengaruh sektor petroleum bukan setakat untuk menjaga tenaga dan bahan bakar untuk kegunaan manusia, tetapi juga memberikan pulangan yang cukup besar kepada sesebuah negara dan masyarakat perdagangan. Boleh dikatakan bahawa sektor petroleum memberikan kesan yang besar terhadap tingkah laku manusia dan ekonomi dunia.

ABDUL RAHIM SHAFIE

Pensyarah Universiti Utara Malaysia

APABILA harga minyak dunia meningkat secara mendadak, syarikat minyak dan gas akan memperoleh laba yang besar. Keuntungan daripada laba yang besar ini diagihkan bukan setakat kepada pemegang saham dan pekerja syarikat minyak dan gas tersebut, tetapi memberikan sumber kewangan terhadap sesebuah negara. Di Malaysia, syarikat petroleum dan gas nasional, Petrolim Nasional Berhad membayar sejumlah RM732 bilion kepada kerajaan sejak penubuhannya sehingga hujung tahun 2012. Sudah tentulah jumlah ini semakin bertambah saban tahun. Jumlah yang sebesar ini banyak membantu membangunkan negara dan menyejahterakan rakyat.

Walau bagaimanapun, sebagaimana produk yang lain, minyak juga boleh mengalami penurunan harga. Sejak kebelakangan ini, harga minyak dunia turun dengan mendadak. Ekoran penurunan harga minyak dunia, Petronas menjangkakan sumbangan dividen, cukai, dan royalti kepada kerajaan berkurangan terutamanya pada tahun ini. Malah, perbelanjaan modal Petronas juga bakal dipotong sebanyak 15 hingga 20 peratus.

Harga minyak mengalami penurunan secara mendadak sejak awal bulan November 2014. Buat pertama kali sejak Mei 2009 dan pada 16 Disember lalu, harga minyak Brent turun di bawah AS\$60 (RM210) setong. Penurunan harga ini memberikan peluang kepada kerajaan untuk

memperkenalkan harga petrol RON95 dan diesel berasaskan harga pasaran sebagaimana diumumkan pada 21 November 2014. Tiada lagi subsidi minyak diberikan kepada rakyat untuk produk petrol dan diesel.

Pengiraan seliter harga minyak untuk tempoh sebulan berasaskan harga purata minyak pada sebulan sebelumnya. Misalnya, bagi penetapan harga RON95 bagi bulan Disember 2014, harga purata minyak yang diniagakan pada bulan November 2014 diguna pakai. Namun begitu, bukan bermaksud sehingga 30 November 2014 kerana pada tarikh berkenaan yang merupakan penghujung bulan digunakan oleh kerajaan untuk menguar-uarkan harga minyak terkini kepada peniaga dan pengedar minyak.

Ch. no: 0000 274517

ECO 2015 / A13

Manakala, tarikh 29 November 2014 pula jatuh pada hari Sabtu yang mana minyak tidak diniagakan. Lantaran itu, tarikh akhir pengiraan petrol RON95 adalah pada 28 November 2014 yang jatuh pada hari Jumaat. Cara pengiraan yang sama juga akan diguna pakai untuk bulan berikutnya.


Pemansuhan subsidi minyak membantu kerajaan mengurangkan beban kewangan negara tatkala harga minyak dunia semakin menurun. Pada masa yang sama, penarafan kredit negara juga lebih baik apabila tiada lagi peruntukkan subsidi minyak dibelanjakan daripada pendapatan negara. Kewangan negara juga mampu diperkukuh lagi sebaik-baik sahaja cukai barangan dan perkhidmatan (CBP) dilaksanakan pada 1 April 2015.

Dalam konteks ini, harga minyak dunia yang semakin menurun tidak begitu memberikan kesan negatif jangka masa pendek kepada ekonomi negara. Malah, harga minyak yang menurun akan mengurangkan kesan inflasi terhadap pengguna. Kos pengeluaran dan pengangkutan akan lebih berdaya saing. Bahkan, sektor penerbangan juga akan menerima manfaatnya apabila kos bahan api semakin murah.

Walau bagaimanapun, dalam jangka masa yang panjang, kesannya boleh menggugat ekonomi negara. Misalnya, ekoran harga minyak yang tidak menentu, Petronas bersama-sama dengan rakan kongsinya membuat keputusan menengguhkan pelaburan di Kanada yang berjumlah RM109.2 bilion. Bukan setakat untuk projek pelaburan Petronas, projek pelaburan cari gali minyak global juga yang dianggarkan berjumlah RM520.5 bilion ditangguhkan pada tahun ini. Hal ini menggambarkan kesan yang besar terhadap projek pelaburan cari gali minyak dan gas akibat penurunan harga komoditi ini.

Prestasi Bursa Saham Malaysia juga semakin menurun. Kesan negatif cukup ketara bagi sektor minyak dan gas serta komoditi lain. Kedua-dua sektor ini merupakan faktor utama kejatuhan Bursa Saham Malaysia. Begitu

Jadual 1 Peratusan sumbangan sektor minyak dan gas kepada pendapatan negara.



Penurunan harga minyak sememangnya menguntungkan pengguna, tetapi dalam jangka masa yang panjang mampu menjejaskan ekonomi negara.

juga, kedudukan mata wang ringgit berbanding dengan dolar yang semakin lemah boleh menjejaskan kuasa beli rakyat jika sekiranya barangan yang diimport menggunakan mata wang dolar AS.



Mengikut rekod, mata wang ringgit jatuh pada paras paling rendah dalam tempoh lima tahun berbanding dengan dolar AS. Ringgit berlegar pada paras RM3.50 bagi satu dolar AS pada pertengahan Disember 2014. Permintaan terhadap dolar bertambah ekoran kejatuhan harga minyak di samping kemungkinan kadar faedah dinaikkan oleh Rezab Persekutuan AS. Yang dibimbangkan ialah pelabur asing akan mengambil tindakan untuk mengeluarkan pelaburan mereka dari negara ini dan beralih ke negara lain.

Tambahan lagi, kesan pengurangan pendapatan negara akibat pengurangan hasil sektor minyak dan gas dikhuatiri tidak mampu ditampung oleh CBP

dan pemansuhan subsidi minyak dan diesel. Jika ini berlaku, sudah tentulah sasaran tiga peratus defisit fiskal pada tahun 2015 sukar dicapai. Pertumbuhan eksport yang semakin rendah sejak tahun lalu boleh memburukkan lagi keadaan. Jika kedua-dua defisit ini, iaitu defisit fiskal dan defisit akaun semasa berlaku serentak, maka, agensi penarafan antarabangsa akan memberikan penarafan kredit yang lemah kepada negara. Apabila ini berlaku, Bursa Saham Malaysia dan nilai mata wang ringgit berbanding dolar AS akan semakin bertambah lemah dan banyak syarikat mengalami kerugian.

Hal ini senario paling teruk yang boleh berlaku hanya kerana penurunan harga minyak dunia yang terlalu rendah. Namun begitu, sebagaimana kerajaan berjaya menangani krisis kewangan Asia pada tahun 1997 dan tahun 1998, sebarang krisis yang mungkin berlaku

Jadual 2 Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berasaskan sektor.



Industri yang kukuh mampu menjana pendapatan negara.



Kelemahan ringgit masih di paras terkawal.

ekoran penurunan harga minyak dunia juga dijangka mampu diharungi Malaysia. Asas ekonomi dan kewangan negara jauh lebih kukuh berbanding dengan tahun krisis kewangan Asia yang lalu. Sebagai contoh, kelemahan mata wang ringgit dijangkakan tidak begitu memberikan kesan terhadap beberapa sektor ekonomi negara seperti sektor perbankan kerana kebanyakan bank tidak memegang terlalu banyak kadar pertukaran. Maka, kesannya tidaklah begitu ketara. Sebaliknya, kesannya hanya akan kelihatan apabila pertumbuhan sektor minyak dan gas tidak begitu memberangsangkan dalam tempoh jangka masa yang panjang. Hal ini demikian kerana sektor minyak dan gas merupakan antara penyumbang utama kepada sektor perbankan.

Pengalaman kerajaan dalam mentadbir urus ekonomi dan kewangan negara terutamanya tatkala krisis ekonomi melanda negara mengubah

asas ekonomi negara lebih mampan lagi. Yang berlaku dalam konteks penurunan harga minyak dunia adalah di luar kawalan kerajaan. Ekonomi negara dunia yang saling bergantung ekoran pasaran bebas dan terbuka serta kesan globalisasi menyebabkan secara tidak langsung, ekonomi negara juga akan terkena kesannya.

Jangkaan pengurangan sumbangan pendapatan daripada sektor minyak dan gas kepada pendapatan negara memerlukan tindakan proaktif daripada pihak kerajaan. Sebenarnya, kerajaan telah dan sedang mengambil tindakan untuk mengurangkan kesannya. Malah, kerajaan berusaha untuk mempelbagaikan lagi sektor ekonomi negara agar tidak terlalu bergantung pada sektor minyak dan gas. Misalnya, pendapatan kerajaan daripada sumber minyak dan gas berkurangan daripada sebanyak 40 peratus pada tahun 2009 kepada hanya 31.2 peratus pada

tahun 2013. Peratusan ini semakin berkurangan pada kadar 26.5 peratus pada tahun 2015 dan semakin mengecil pada kadar 21 peratus menjelang tahun 2020. Tambahan lagi, sumbangan terkini sektor perlombongan termasuklah minyak dan gas kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) hanyalah pada kadar lapan peratus. Hal ini demikian kerana ekonomi negara kita beralih kepada sektor perkhidmatan yang menyumbang sebanyak 55 peratus daripada keseluruhan KDNK Malaysia.

Kelemahan mata wang ringgit berbanding dolar AS menjadikan produk Malaysia lebih kompetitif pada peringkat antarabangsa. Oleh itu, kelebihan yang dimiliki ini sewajarnya digunakan sebaik-baik mungkin. Syarikat pembuat sarung tangan, misalnya mampu mengeksport produknya dengan jumlah yang lebih tinggi.

Mengambil kira situasi semasa, kerajaan mengumumkan penubuhan Majlis Eksport yang dipengerusikan sendiri oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak. Peranan utama Majlis Eksport ini untuk mengintai peluang pasaran eksport baharu, selain memperkukuh rantaian produk dan logistik serta memastikan produk yang diekspor mempunyai nilai yang tinggi. Strategi ini merupakan satu langkah ke hadapan untuk jangka masa panjang bukan setakat ketika mata wang ringgit semakin lemah, tetapi juga dalam semua situasi bagi meningkatkan jumlah eksport produk Malaysia yang berkualiti tinggi bagi memenuhi pawaian antarabangsa dan kehendak negara asing.

Kerajaan juga secara berterusan berusaha untuk mengagihkan sumber negara dengan cekap dan berkesan untuk rakyat Malaysia. Dengan mekanisme sebegini, kesan negatif penurunan harga minyak terhadap ekonomi negara dapat diminimumkan. Pada masa yang sama, tidak mustahil, Malaysia masih mampu mencatatkan kadar pertumbuhan ekonomi meskipun dalam persekitaran ekonomi global yang sungguh mencabar dan semakin sukar diramal oleh sesiapa pun. ■